Jabatan Perikanan Malaysia

MINIT MESYUARAT
MAJLIS BERSAMA JABATAN
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BILANGAN 1 TAHUN 2020

Tarikh : 4 Mac 2020 (Rabu)
Masa : 2.30 petang
Tempat : Bilik Mesyuarat Mutiara
Aras 6, Blok Menara 4G2
Wisma Tani, Putrajaya

KEHADIRAN WAKIL PENGURUSAN:

1. YBhg. Dato' Haji Munir bin Haji Mohd Nawi - Pengerusi
   Ketua Pengarah Perikanan Malaysia

2. Encik Nor Shahbani bin Nordin
   Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan

3. Puan Nur Ilyani binti Md Aris - Pencatat Minit
   Bahagian Khidmat Pengurusan
   Bahagian Khidmat Pengurusan

4. Puan Hasniah binti Othman
   Bahagian Pembangunan Latihan dan
   Kemajuan Kerjaya

5. Puan Hanim binti Hussain
   Bahagian Khidmat Penguru san

KEHADIRAN (WAKIL PEKERJA):

1. Encik Mohd Fauzi bin Salehon
   Bahagian Perlidungan Sumber
   Naib Pengerusi MBJ (G48)

2. Encik Nordiskandar Bin Nor Tajudin
   Bahagian Kejuruteraan
   Wakil Pekerja (Pegawai Perikanan Gred G41/G44)

3. Puan Norhabina binti Abd Aris
Bahagian Pengembangan Perikanan
Wakil Pekerja (Penolong Pegawai Perikanan Gred G32/G36)

4. Puan Faizah Nor binti Mohamed
Bahagian Biosekuriti
Wakil Pekerja (Penolong Pegawai Perikanan Gred G29)

5. Encik Mohd Yusof Bin Yunus
Bahagian Kejuruteraan
Wakil Pekerja (Penolong Jurutera Gred J26/JA29/JA36/JA38)

6. Puan Almina binti Espin
Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik
Wakil Pekerja (Pembantu Perikanan Gred G19)

7. Puan Nurul Hanisah binti Mahmud
Bahagian Khidmat Pengurusan
Wakil Pekerja (Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W19/W22/W26)

8. Encik Muhammad Azri bin Sabaruddin
Bahagian Biosekuriti
Wakil Pekerja (Pembantu Tadbir (Perkeranian /Operasi) Gred N19/N22/N26)

9. Puan Yuniza Binti Baharom
Bahagian Khidmat Pengurusan
Wakil Pekerja (Setiausaha Gred N19 / N22 / N29 / N28 / N32 / N36)

10. Encik Mohd. Fazerul Noor Hashim
Bahagian Perlindungan Sumber
Wakil Pekerja (Operator Wayarles Gred N19/ N22/N26)

11. Hj. Mohd Ali bin Sulaiman
Pejabat Ketua Pengarah Perikanan
Wakil Pekerja (Pembantu Operasi Gred N11 / N14)

12. Encik Mohd Faridzuan bin Mohd Pauzhi
Bahagian Pengurusan Maklumat
Wakil Pekerja (Juruteknik Komputer/ Penolong Pegawai Teknologi Maklumat/ Pegawai Pegawai Teknologi Maklumat Gred FT19/FT22/F38/F41/F44/F48)

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

1. Encik Syed Yusof Bin Wan Deraman
Bahagian Perancangan dan Pembangunan
Setiausaha Bersama (G41)

2. Encik Ridzuan Bin Alias
   Bahagian Taman Laut dan Pengurusan Sumber
   Wakil Pekerja (Pegawai Perikanan Gred G44)

3. Encik Mohamad Alif Iqbal Bin Abdul Hisham
   Unit Komunikasi Korporat
   Wakil Pekerja (Pembantu Perikanan Gred G19)

4. Encik Saari bin Sulaiman
   Bahagian Biosekuriti Perikanan
   Wakil Pekerja (Pemandu Kenderaan Gred H11/H14)

5. Encik Yusri bin Ismail
   Kader MOA
   Wakil Pekerja (Pegawai Perikanan Kader Gred G44)

1. UCAPAN ALUAN PENGERUSI MBJ

i. YBhg. Dato' Pengerusi mengucapkan salam dan terima kasih kepada lantikan ahli mesyuarat baharu yang hadir, dan menyentuh berkenaan perkara- perkara sperti berikut:

a. mengharapkan pendekatan yang berbeza oleh barisan perwakilan yang baharu berbanding sebelum ini;
b. mengingatkan bahawa MBJ merupakan platform yang amat penting bukan sahaja bagi menjaga kebajikan kakitangan tetapi juga memainkan peranan dalam menyokong kemajuan organisasi;
c. memohon perwakilan untuk mengetengahkan perkara-perkara yang berada di dalam kemampuan Jabatan sahaja bagi mengelakkan isu yang sama timbul berulang kali;
d. mengharapkan bahawa barisan perwakilan baharu boleh membuahkan idea-idea baharu bagaimana wakil pekerja bersama pihak pengurusan boleh membangunkan dan memajukan Jabatan terutamanya pada kemajuan sumber manusia.

Tindakan: Makluman

2. UCAPAN ALUAN NAIB PENGERUSI MBJ

i. Naib Pengerusi MBJ, Encik Mohd Fauzi bin Salehon mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan kerana telah bersama berusaha untuk menangani isu-isu yang telah dikemukakan oleh perwakilan sebelum ini dan beliau bersetuju untuk bersama-sama menaikkan imej Jabatan secara keseluruhannya.

Tindakan: Makluman

3. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) BILANGAN 4 TAHUN 2019

Minit Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Bilangan 4 Tahun 2019 disahkan dengan pindaan seperti berikut:'

i. Nama Encik Mohd Mohtar bin Muhammad dipinda kepada Encik Mohd Mohtar bin Mahamud.

Tindakan: Makluman

4. PERKARA – PERKARA BERBANGKIT

4.1 Blue Print Laluan Kerjaya

i. Mesyuarat mengambil maklum akan penyediaan Pelan Laluan Kerjaya oleh pihak PLKK;

ii. YBhg. Dato' Pengerusi meminta supaya PLKK merujuk kepada Pelan Laluan Kerjaya Jabatan dan Agensi di bawah MOA seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Veterinar dan lain-lain agensi sebagai rujukan.

Tindakan : PLKK

4.2 Kertas Kerja Naik Taraf Pembantu Perikanan Gred G19 / G26 / G28 ke Gred G29 secara Tukar Lantik

i. Mesyuarat mengambil maklum bahawa Kertas Tukar Lantik Pembantu Perikanan kepada Penolong Pegawai Perikanan telah dibentangkan oleh MTSU semasa Mesyuarat bertarikh 6 Februari 2020 yang membawa cadangan penjumudan skim Pembantu Perikanan;

ii. YBhg. Dato' Pengerusi memohon satu kajian dilaksanakan oleh BKP bagi mengenalpasti kebolehlaksanaan penjumudan skim Pembantu Perikanan di Jabatan Perikanan Malaysia;

iii. YBhg. Dato' Pengerusi juga memohon PLKK membuat kajian dari aspek struktur organisasi jangka panjang DOF sekiranya penjumudan jawatan Pembantu Perikanan berlaku.

Tindakan : BKP dan PLKK

5. ISU – ISU DARI WAKIL PEKERJA

5.1 Penambahan Perwakilan Pihak Pekerja

i. Mesyuarat dimaklumkan bahawa tiada wakil pekerja dari kumpulan seperti berikut:
   a. Penolong Pegawai Perikanan Gred G36;
   b. Skim Q dan skim C; dan
   c. Skim kejuruteraan.

ii. Wakil pekerja memohon untuk melantik En. Norsharudin bin Sapian sebagai wakil MTSU di dalam barisan perwakilan.

Tindakan: Wakil Pekerja

5.2 Urusan Pengambilan Pegawai Baharu

i. Wakil Pekerja memohon pengisian baru kerana terdapat banyak jawatan kosong terutamanya pengisian bagi Pembantu Perikanan Gred G19 di daerah-daerah kritikal.

Tindakan: Makluman

ii. Mesyuarat dimaklumkan bahawa tindakan pengisian G19 sebanyak 31 perjawatan menggunakan kelulusan 2019 sedang dalam tindakan pihak SPA.

Tindakan: Makluman

5.3 Latihan dan *Reshuffle* bagi Setiausaha Pejabat

i. Wakil Setiausaha Pejabat memohon latihan bagi peningkatan kemahiran seperti kursus protocol, *grooming* dan perhuhubungan awam.

Tindakan : PLKK

ii. Wakil Setiausaha Pejabat juga memohon *reshuffle* bagi Setiausaha Pejabat yang telah menduduki sesuatu jawatan 5 tahun ke atas bagi meningkatkan kompetensi pegawai.

Tindakan : BKP

5.4 Penolong Pegawai Perikanan Gred G29 sebagai Ketua Daerah Perikanan

i. Mesyuarat dimaklumkan oleh wakil pekerja bahawa bagi lantikan baru Penolong Pegawai Perikanan Gred G29 adalah kurang sesuai ditempatkan sebagai Ketua Daerah kerana masih memerlukan pengalaman untuk berinteraksi secara berkesan dengan kumpulan sasar.

ii. YBhg. Dato' Pengerusi memohon supaya pihak PLKK melaksanakan latihan intensif kepada pegawai lantikan baharu bagi meningkatkan kemahiran teknikal dan soft-skill agar Ketua Daerah Perikanan lantikan baharu dapat berhadapan dengan masyarakat dengan baik.

Tindakan : PLKK

5.5 Penambahan Perjawatan G36 di Ibu Pejabat

i. Wakil Pekerja memohon penambahan perjawatan Penolong Pegawai Perikanan Gred G36 di Ibu Pejabat.

Tindakan: Makluman

ii. KC Personel memaklumkan sebarang naiktaraf gred jawatan perlu disertakan dengan trade – off perjawatan.

Tindakan: Makluman

5.6 Isu Parking di Blok 4G2

i. Mesyuarat dimaklumkan terdapat beberapa kereta rosak di parking B3 4G2 yang menghalang pegawai lain untuk meletak kenderaan. Selain itu masih terdapat pegawai yang meletakkan kereta di kawasan-kawasan yang menyukarkan lalu-lintas kenderaan yang lain.

Tindakan: Makluman

ii. Seksyen Pentadbiran, BKP dimohon untuk, menyemak petak parking tersebut. Sekiranya milik Jabatan Perikanan, maka notis mengalihkan kenderaan tersebut hendaklah dikeluarkan,

Tindakan: BKP

5.7 Isu Kafeteria

i. Mesyuarat dimaklumkan bahawa tahap kebersihan di kafe kotani adalah tidak memuaskan. Wakil pekerja juga memohon kafeteria di aras G Blok 4G2 dibuka semula bagi memudahkan urusan kakitangan Jabatan.

Tindakan: Makluman

ii. Pihak BKP dimohon untuk memanjangkan perkara ini kepada MOA.

Tindakan: BKP

5.8 Perjawatan G52 di Kolej Perikanan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah

i. Wakil pekerja memohon perjawatan G52 yang telah dipinjamkan ke KPSN dikembalikan ke Bahagian Kejuruteraan;

Tindakan: Makluman

5.9 Pemberian Anugerah Prestasi Cemerlang (APC)

i. Wakil Pekerja memohon pihak pengurusan untuk memperkemaskan pencalonan APC dan memastikan bahawa terdapat wakil bagi setiap kumpulan perjawatan

Tindakan: Makluman

6. HAL – HAL LAIN

6.1 Pembangunan Latihan

i. Pengerusi mesyuarat memohon pihak PLKK untuk membangunkan latihan bagi kemajuan kerjaya kakitangan serta mengambil maklum berkenaan bentuk kerja dan cara berbelanja yang telah berubah.

Tindakan: PLKK

6.2 Konvensyen MBJ

i. Wakil pekerja memohon peruntukan dari BKP bagi melaksanakan Konvensyen MBJ bagi tahun 2020.

Tindakan : Wakil Pekerja

7. PENUTUP

Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada ahli mesyuarat yang hadir. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.30 petang.

DISEDIAKAN OLEH:

14.5.2020

(NUR ILYANI BINTI MD ARIS)
Setiausaha Pengurusan
Majlis Bersama Jabatan
Jabatan Perikanan Malaysia

(SYED YUSUF BIN WAN DRAHMAN)
Setiausaha Bersama
Majlis Bersama Jabatan
Jabatan Perikanan Malaysia